




Ruj. Kami : KUDR/TTDC/B/09/24/0056
Ruj. Tuan : TTdc/WLD/MYREN-UTP/Y24
Tarikh :  Oktober 2024

TT dotcom Sdn Bhd
No. 14, Jalan Majistret U1/26,
HICOM Glenmarie Industrial Park,
40150, Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
(u.p: En Mohd Faizul Bin Padli)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : CADANGAN PEMASANGAN INFRASTRUKTUR
TELEKOMUNIKASI DAN KABEL FIBER OPTIK UNTUK
MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI KEPADA
UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS 32610 SERI ISKANDAR
PERAK DARUL RIDZUAN-MYRENUTP**
PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR KINTA)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kebenaran laluan Izin lalu pihak tuan telah mendapat kelulusan sebagaimana berikut:

BIL.	NAMA JALAN	PBM/PBT	JUMLAH (RM)
1.	LEBUHRAYA IPOH-LUMUT FT5	JKR KINTA	RM 54,700.00 (Deposit Keselamatan 100% Dalam Wang Cagaran Kelompok)
2.	BAYARAN PERKHIDMATAN KUDR	OSA	RM 5100.00 (Merujuk sebut harga KUDR yang dilampirkan)

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan diminta untuk mengemukakan insurans "**Contractor's All Risk**" yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam sepertimana yang dinyatakan di **Jadual 2** untuk menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / "**Defected Liability Period**" (DLP). Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*) Kerajaan Persekutuan/Negeri, Jurutera Daerah JKR berkenaan serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.





Ruj. Kami : KUDR/TTDC/B/09/24/0056

Tarikh : 28 Oktober 2024

**PROJEK / KERJA : CADANGAN PEMASANGAN INFRASTRUKTUR
TELEKOMUNIKASI DAN KABEL FIBER OPTIK UNTUK
MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI KEPADA
UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS 32610 SERI ISKANDAR
PERAK DARUL RIDZUAN-MYRENUTP**

PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (JKR KINTA)

5. Pihak Tuan juga diminta untuk menjelaskan bayaran caj perkhidmatan bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan diproses. Bersama-sama ini disertakan invoice **INV/00066** bertarikh **21 Oktober 2024** untuk disetuju terima pihak Tuan.

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Jabatan Kerja Raya Perak seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan, kelulusan izinlalu ini hanya sah dalam tempoh 6bulan (**180 hari**) sahaja bermula dari tarikh **25 Oktober 2024** sehingga tamat **24 April 2025** dan pihak Tuan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan perlu membuat permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Adalah diingatkan bahawa pihak Tuan boleh didakwa mengikut Akta 333 (Akta Pengangkutan Jalan 1987), Seksyen 40 dan dibawah Seksyen 85 Undang-Undang Malaysia sekiranya kerja-kerja tersebut dilakukan tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Jalan.

9. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **En Wan Mohd Fakrullah Bin Wan Mohd Fakri** di talian **017-9076802** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan terima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OPS/28102024/Koridor/Wan

